

SEMINAR
TANAH PUSAKA ADAT MENGHADAPI ALAF BARU

27 MEI 2000

✧

KOMPLEKS PERTANIAN CHEMBONG

**ADAT PERPATIH REMBAU
DAHULU DAN KINI**
OLEH:
NORHALIM HJ. IBRAHIM

ADAT PERPATIH REMBAU DAHULU DAN KINI

Oleh:

Norhalim Hj. Ibrahim

Pengenalan

Adat Perpatih ialah satu sistem sosial yang kompleks dan mempunyai konsep dan ideologi yang disedari dengan jelas oleh penganut-penganutnya. Adat Perpatih juga mempunyai satu pandangan hidup (worldview) yang menjadi pemandu dalam persepsi dan pemilihan pengamalannya. Sebagai satu sistem konseptual di dalam Adat Perpatih itu termasuk aturan tertentu (kadang-kala dalam bentuk preskripsi undang-undang nyata) yang menggambarkan dan menjana pelakuan ahlinya. Ini termasuklah di mana hendak tinggal, siapa yang bertanggungjawab ke atas anak-anak dan sebagainya.

Komponen-komponen konsep dan ideologi adat ini berkecenderungan untuk memperkukuh satu dengan yang lain, dan setiap ahlinya berurusan pula dengan berbagai-bagai tema yang berhubung kait antara satu sama lain. Selanjutnya, antara nilai-nilai berkenaan wujud pula interaksi dialektual dengan sistem-sistem ekonomi, sosial dan politik yang dialami secara nyata oleh ahli-ahlinya. Justeru itu, masyarakat Adat Perpatih di dalam kehidupan sehari-harian melahirkan satu cara hidup yang dapat dicirikan sebagai komunal, agak egaliterian dan demokratik. Dengan secara ringkas, pengkonsepsian tentang Adat Perpatih pada zaman idealnya.

Setiap masyarakat dan setiap budaya adalah dinamik, sentiasa bertambah dan berubah. Demikian juga masyarakat dan budaya Adat Perpatih.

Adat Perpatih telah bertapak tidak kurang daripada 662 tahun di Rembau, dalam tempoh masa itu, adat ini telah mengalami pelbagai proses sama ada yang

datang dari dalam maupun dari luar. Tegasnya, masyarakat ini telah melalui proses evolusi, difusi, akulturasi, konflik, pemodenan dan pembaratan. Justeru itu, Adat Perpatih yang dikenali dan diamalkan oleh masyarakat Rembau hari ini tidak jauh daripada landasan asalnya.

Adat Perpatih Dahulu atau Pengelompokan Masyarakat

Masyarakat Adat Perpatih Rembau dikelompokkan kepada beberapa suku. Setiap suku dapat dipecahkan kepada kelompok yang lebih kecil yang dinamakan perut. Setiap perut dapat pula dibahagikan kepada beberapa kelompok ruang, yang pula mengandungi rumpun. Setiap ahli masyarakat Rembau menganggotai kelompok-kelompok tersebut.

Setiap kelompok itu mempunyai seorang pemimpin yang mempunyai bidang tugas dan kuasa tertentu. Struktur dan organisasi kepimpinan ini mempunyai satu matlamat iaitu kepentingan kelompok dalam semua aspek kehidupan – agama, politik, ekonomi dan sosial.

Organisasi Dasar

Dalam masyarakat Adat Perpatih, kelompok kekeluargaan rumpun dan bukannya keluarga asas atau nuklear yang menjadi atau membentuk kelompok unit keturunan yang efektif dan satu suku. Dalam kelompok inilah terencana hak individu untuk penyaraan dan terhadap harta. Anak-anak bukannya hak keluarga asas tetapi hak rumpun/suku ibunya.

Adat Perpatih mengamalkan sistem nasab ibu. Justeru itu hak suku ke atas anak ahli perempuan adalah penting dan hak ini dijaga dengan baik oleh kelompok rumpun. Melalui anak anggota perempuan, terutama anak perempuan, sesuatu

kelompok rumpun itu dapat mengekalkan haknya ke atas harta pusaka suku yang penting. Tanpa anak, hak pusaka suku akan diserahkan kepada waris lain, atau kepada rumpun atau perut lain dalam suku.

Perkahwinan

Aturan perkahwinan masyarakat Adat Perpatih mempunyai kedua-dua norma perspektif dan preferential. Norma perspektif dasar sistem ini ialah eksogami iaitu kahwin luar suku. Norma preferential pula adalah untuk melakukan perkahwinan silang pupu.

Ekonomi Adat Perpatih

Masyarakat Adat Perpatih ialah masyarakat yang bergantung kepada ekonomi pertanian. Sebagai petani, tanah sungguh bererti dalam kehidupan mereka. Mereka berpendapat ekonomi itu memainkan peranan penting dalam menjamin kesucian moral. Oleh sebab pertimbangan ini, terbentuk sistem pentadbiran tanah yang begitu berbeza jika dibandingkan dengan sistem pentadbiran tanah di negeri-negeri Melayu lain.

Pada zaman tradisi, semua tanah dalam luak Adat Perpatih adalah kepunyaan sama ada suku pemerintah yang disebut tanah waris atau tanah suku, iaitu tanah waris yang telah diagihkan kepada peneroka, dan tanah tebus, iaitu tanah yang telah ditanam tetapi terpaksa dijual atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

Tanah suku setaraf tanah wakaf dan bukan dipunyai oleh individu tertentu. Dalam keadaan ini, ketua suku hanya menjadi penjaga oleh sebab tanah suku itu telah diwakafkan kepada keturunan perempuan, oleh itu orang perempuan telah bertanggungjawab memikul hutang pusaka.

Oleh sebab pensyaran tanah suku itu sedemikian rupa, pihak perempuan yang diperakukan hak punya hanya berhak mengusahakan tanah tersebut. Dia tidak berhak menggadaikan atau menjual kecuali dibenarkan oleh waris-warisan dan ketua adat.

Etika Kerja Adat Perpatih

Amalan hidup masyarakat adat, tanpa mengira sama ada yang berkaitan dengan sosial, ekonomi atau politik adalah berlandaskan dua kod etika dasar, iaitu muafakat dan bekerjasama (termasuk menyeraya, pedua dan bergotong-royong). Dalam kehidupan sehari-hari ahli masyarakat adat, kedua-dua konsep ini sangat berhubungan dan berkait rapat, hanya darjah pelaksanaannya yang berbeza, berdasarkan kelompok kekeluargaan yang mempraktikkannya.

Oleh sebab kerja dan tugas berdasarkan kedua-dua konsep ini, maka setiap individu dalam masyarakat ini mempunyai tugas berdasarkan kebolehan dan kemampuan masing-masing, tanpa mengira kedudukan, taraf dan keadaan diri. Setiap individu harus memberi sumbangan kerana kegagalan untuk mengusahakan tanah bermakna mendapat malu dan mendatangkan masalah dan kesukaran, bukan sahaja kepada individu, tetapi juga kepada rumpun, ruang, perut dan suku. Keadaan ini membawa implikasi bahawa Adat Perpatih menggalakkan pengamalan kebendaan. Namun, adat tidak pula menekankan kepada kejayaan orang perscorangan, tetapi kejayaan kelompok kekeluargaan.

Perubahan

Sebagaimana yang digambarkan di atas, dapat dikatakan bahawa Adat Perpatih itu adalah fakta sosial yang terpadu ke dalam satu sistem sosial atau dapat

dikatakan sebagai sebuah tamadun tersendiri. Ini melibatkan seluruh kehidupan sosial berorientasikan organisasi nasab ibu, dalam konfigurasi adat tersebut terangkum unsur-unsur keagamaan, perundangan, moral dan ekonomi. Ini bererti Adat Perpatih mempunyai aturan sosial yang nyata, terasing dan istimewa. Ciri-ciri ini telah dijelmakan oleh tiga aspek yang saling melengkapi, yakni aspek sejarah, aspek psikik dan aspek sosiologikal yang diperolehi daripada pengalaman anggota masyarakatnya. Pengalaman sosial total ini diperlanjutan melalui pensosialisasian yang lengkap dan kesinambungan keseluruhan aturan sosial adat tersebut.

Semenjak Rembau mempunyai hubungan dengan orang-orang Eropah, terutamanya Inggeris, cara hidup masyarakat ini telah dipengaruhi malah diubah oleh elemen-elemen baru yang diwakili nilai-nilai yang tidak pernah mereka kenali sebelum ini.

Dengan terasasnya penjajahn di Rembau pada sekitar 1890-an, pelbagai perubahan politik, ekonomi dan sosial yang kritikal telah berlaku. Kolonilisme, pada dasarnya telah mengikis dan menyetepikan fungsi perwakilan politik adat, keberkesanan kuasa ketua-ketua adat telah disempitkan dan ada pula yang telah dihapuskan langsung. Kuasa yang tinggal hanya yang berkaitan dengan soal-soal agama dan adat-istiadat.

Inggeris juga telah memperkenalkan sistem pendidikan sekular. Dalam sistem ini, persoalan sejarah dan adat tempatan diketepikan langsung. Justeru itu terputus proses pensosialisasian adat. Sebagai ganti disalurkan pula nilai-nilai budaya barat. Akibatnya, pengetahuan generasi muda yang bakal menggantikan generasi tua tentang keseluruhan dan perincian perjalanan dan keberfungsian Adat Perpatih kurang

mendalam. Ironinya di sini, secara beransur-ansur dengan latar belakang pelajaran serta pengalaman dalam birokrasi penjajah, mereka secara automatik terpilih menjadi ketua adat. Dengan itu muncul generasi ketua adat yang kurang faham tentang adat yang dipimpinnya.

Satu lagi perubahan penting yang dibawa oleh Inggeris ialah berkaitan dengan hak milik tanah. British telah memaksakan kepada masyarakat Adat Perpatih sistem hak milik individu ke atas tanah. Ini bermakna, Undang sebagai ketua negeri dan waris kepada tanah, serta lembaganya sebagai penjaga tanah suku, kehilangan hak ke atas tanah waris dan hutan dara. Dan satu lagi akibatnya ialah polisi Inggeris ini telah memberi kesan yang belum pernah berlaku sebelumnya – membolehkan orang lelaki (suami) mendapat hak milik tanah bebas yang bukan hak isteri atau harta pusaka kelompok kekeluarganya.

Adat Perpatih Kini

Hasil daripada perkembangan sejarah ini, ketua-ketua adat telah kehilangan kuasa dan kewibawaannya. Tempat mereka telah diambil alih oleh pemimpin baru, formal dan tidak formal. Tanah adat sendiri mengecil dan tidak akan bertambah akibat akta pemilikan tanah secara individu. Kegiatan dasar – bersawah padi – tidak dapat dijalankan lagi. Dengan itu segala adat istiadat dan upacara yang berkaitan dengannya juga terus hilang. Penggunaan ekonomi wang dan memberi hak milik individu ke atas harta bagi kaum lelaki, telah membawa perubahan ke atas budaya kehidupan masyarakat adat. Upacara adat istiadat dan aktiviti lain, sama ada sosial, ekonomi ataupun politik, menjadi semakin tidak aktif. Ahli masyarakat menjadi individulistik, sesuatu yang bertentangan dengan ideologi, falsafah dan amalan adat –

komunilistik, familistik, muafakat dan bekerjasama. Daripada huraian ringkas di sini, nyatalah bahawa Adat Perpatih Rembau telah melalui proses perubahan yang dinamik malah dapat dikatakan bahawa hampir keseluruhan aspek sosioekonomi Adat Perpatih tidak dapat diamalkan lagi sepenuhnya. Apa yang masih wujud hanya struktur politiknya.

Dalam proses perkembangan dan perubahan kini, kita mesti akui, kemasukan nilai bayangan budaya barat ke dalam masyarakat Adat Perpatih adalah ekstensif. Ini berlaku melalui televisyen, radio, iklan, berita dan penerbitan budaya popular, serta melalui kehadiran barangan barat di pasar, sistem pendidikan, dan peluang pekerjaan. Sikap dan nilai baru telah memberi kesan dalam hampir semua aspek hidup orang Adat Perpatih tetapi yang lebih jelas ialah yang berkaitan dengan idea masyarakat tentang kerja dan pemakaian, pendidikan dan jangkaan hubungan antara manusia termasuk antara lelaki dan perempuan. Tegasnya idea-idea dan pilihan ahli-ahli masyarakat telah dibentuk semula oleh nilai yang dibawa bersama dengan perkembangan fahaman kapitalis di negara ini.